

MAHATHIR - KERETA
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMPUNYAI SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA AKAN DIBERI KEUTAMAAN BAGI MENGELUARKAN KOMPONEN PROJEK KERETA MALAYSIA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN PERLU MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI KEUPAYAAN BAGI MENGELUARKAN KOMPONEN SEPERTI ITU, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI HARI INI.

INI ADALAH SELARAS DENGAN KEPERLUAN DASAR EKONOMI BARU, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH TIDAK BETUL BAHAWA KERAJAAN HANYA MENIMBANG PENGGUNAAN KOMPONEN YANG DIBUAT OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MILIK BUMIPUTERA SAHAJA UNTUK PROJEK KERETA MALAYSIA.

BELIAU MEMBUAT PENJELASAN TERHADAP LAPORAN YANG MEMETIK TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN HAJI MUHYIDDIN YASSIN SEBAGAI BERKATA ADALAH DASAR KERAJAAN UNTUK MENGGUNAKAN KOMPONEN YANG DIBUAT DALAM NEGERI OLEH PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA.

TIMBALAN MENTERI ITU SEBENARNYA BERMAKSUD SYARIKAT USAHASAMA BUMIPUTERA YANG MENGELUARKAN KOMPONEN TERSEBUT, TAMBAH BELIAU. --
LAGI 1903/MK

NNNN

ZGZC 0635

MAHATHIR - KERETA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELARAS DENGAN DASAR EKONOMI BARU, KERAJAAN INGIN MELIHAT BUMIPUTERA BERSAMA-SAMA MENGELUARKAN KOMPONEN KERETA MALAYSIA.

KATANYA DALAM KEADAAN YANG SERUPA BAGI SEMUA PIHAK, SYARIKAT YANG MEMPUNYAI PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG LEBIH BESAR PASTI AKAN DIBERI KEUTAMAAN.

KATANYA PRINSIP SERUPA JUGA DIGUNAKAN BAGI LAIN-LAIN INDUSTRI. --
BERNAMA 1906/MK